

07 AUG 2001

MILF-Damai

PERJANJIAN GENCATAN SENJATA DIMETERAI ANTARA MANILA DAN MILF

CYBERJAYA, 7 Ogos (Bernama) -- Kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) telah mencapai persetujuan gencatan senjata dan dijangka menandatangani lewat hari ini.

Ketua perunding MILF Murad Ebrahim berkata perjanjian damai itu dicapai oleh kedua-dua pihak selepas mesyuarat sejam di sini awal hari ini. Kerajaan Filipina dan MILF sejak dua minggu lepas bekerja keras di meja rundingan di sini untuk mencapai perjanjian bersejarah itu.

"Sekarang kami akan mengatur satu majlis menandatangani dokumen di depan Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo dan Perdana Menteri Malaysian Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini," katanya selepas mesyuarat itu.

Arroyo yang tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja tiga hari, dijangka mengadakan pertemuan empat mata dengan Dr Mahathir petang ini dan perjanjian itu dijangka ditandatangani selepas rundingan antara kedua-dua pemimpin itu di Putrajaya, pusat pentadbiran negara yang baru.

Murad berkata kedua-dua pemimpin akan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian itu yang akan menjurus kepada menghentikan pertempuran (garispanduan perlaksanaan) antara kerajaan Filipina dan MILF.

Katanya gencatan senjata itu akan berkuatkuasa serta merta selepas perjanjian damai ditandatangani, sekaligus menamatkan pemberontakan hampir 30 tahun di selatan pulau Mindanao.

Kedua-dua pihak juga hari ini bersetuju menubuhkan sebuah jawatankuasa penyelarasan bagi menamatkan pertempuran. Jawatankuasa itu akan menyiasat pencabulan gencatan senjata dan mencadangkan tindakan punitif terhadap mereka yang mencabulinya.

"Gencatan senjata itu akan dipantau oleh satu pasukan daripada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), membabitkan anggota dari Libya, Indonesia dan Malaysia, dan terbuka kepada negara anggota OIC lain.

"Perjanjian itu adalah satu kejayaan. Kami merasakan bahawa dokumen itu sangat penting bagi merealisasikan program pemulihan dan pembangunan di Mindanao," katanya.

Perjanjian gencatan senjata itu membuka ruang untuk kedua-dua pihak memulakan rundingan bagi memperkukuhkan keamanan di pulau berkenaan.

Majlis menandatangani perjanjian yang dijadual berlangsung pada pukul 5 petang, turut membabitkan dokumen mengenai penyatuan MILF dengan Barisan Pembebasan Nasional Moro (MNLF), yang dipersetujui di sini beberapa hari lepas.

"Ada dokumen mengenai penyatuan antara MNLF dan MILF dan dokumen gencatan senjata terhadap keganasan," kata Murad.

MILF berpisah daripada MNLF pada 1978, dan MNLF sudah menjalin perjanjian damai dengan Manila.

Gencatan senjata antara kerajaan dan MILF berlangsung antara 1997 dan 2000, sehingga presiden Filipina ketiga itu, Joseph Estrada, memutuskan bahawa kumpulan pemberontak itu sedang memperkukuhkan kedudukan mereka dan mengarahkan serangan baru.

-- BERNAMA

SR KHY JK LAT